

23 APR 2002

ASLI-PERJANJIAN/I

ASLI DAN CCPIT AKAN BENTUK MAJLIS PERNIAGAAN BERSAMA

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Institut Kepimpinan Strategik Asia (ASLI) dan Majlis Penggalakan Perdagangan Antarabangsa China (CCPIT) akan menandatangani perjanjian bagi penubuhan Majlis Perniagaan Bersama China-Malaysia esok.

Majlis Perniagaan Bersama itu terdiri daripada pemimpin-pemimpin perniagaan dari China dan Malaysia, kata ketua pegawai eksekutif ASLI, Datuk Dr Michael Yeoh dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata Majlis itu akan memberi tumpuan meningkatkan lagi hubungan perniagaan dua hala dan mengukuhkan kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Ia akan diketuai oleh dua pengerusi, setiap seorang dari Malaysia dan China, dan akan mempromosikan perdagangan, pelaburan dan pemindahan teknologi, kata Yeoh.

Beliau menambah yang Majlis itu akan menganjurkan secara aktif lawatan-lawatan rombongan perdagangan dan mengadakan pameran bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan kedua-dua buah negara.

Majlis menandatangani pembentukan Majlis bersama itu diadakan bersempena dengan lawatan rasmi Naib Presiden China Hu Jintao ke Malaysia.

Yeoh berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju untuk menjadi penaung Majlis Perniagaan Bersama itu sementara Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz menjadi Penasihat Kehormat.

Yeoh, yang juga merupakan Setiausaha Agung Bersama untuk Majlis Perniagaan Bersama berkata yang majlis itu akan memberi tumpuan kepada bidang-bidang seperti pembangunan sumber manusia, teknologi maklumat, penjagaan kesihatan, perniagaan agri dan pelancongan yang disifatkan sebagai sektor-sektor utama yang mempunyai potensi cerah untuk jalinan usahasama dan perkongsian pintar.

Majlis Perniagaan Bersama juga diadakan bertujuan mengadakan perbincangan dan mempromosikan kerjasama baru antara China dan Malaysia, tambah beliau.

Mesyuarat-mesyuarat Majlis akan diadakan secara bergilir-gilir antara Malaysia dan China, kata beliau. -- BERNAMA

MSL FR AA